

03 SEP 2003

MCA-Polis/I

MCA USAHA YAKINKAN IBU BAPA CINA SUPAYA GALAKKAN ANAK-ANAK SERTAI POLIS

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- MCA akan berusaha mendekati para ibu bapa dari kaum Cina dalam usaha untuk mengalakkan lebih ramai kalangan belia dari masyarakat kaum itu menyertai pasukan polis.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata ibu bapa sering memainkan peranan penting dalam menentukan karier anak-anak mereka dan MCA percaya bahawa dengan mendekati kumpulan sasaran yang tepat, ia yakin objektif mereka akan tercapai.

Beliau percaya bahawa kebanyakan ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak mereka daripada menyertai pasukan itu disebabkan faktor gaji yang tidak menarik serta kekurangan lain-lain kemudahan.

"MCA akan berusaha untuk menukar minda para ibu bapa terbabit dengan menekankan bahawa menjadi anggota polis adalah satu tugas yang mulia dan betapa pentingnya perkhidmatan mereka kepada negara, jangan hanya memandang kepada wang ringgit semata-mata," katanya dalam sidang media mingguan di pejabatnya di sini hari ini.

Presiden MCA itu berkata demikian semasa diminta mengulas kehadiran hanya dua calon dari kaum Cina untuk sesi temuduga hari pertama pengambilan konstabel baru yang diadakan di ibu pejabat Pasukan Gerak Am, Briged Tengah di Cheras di sini semalam.

Bagaimanapun permohonan kedua-dua calon itu terpaksa ditolak kerana mereka tidak memenuhi syarat asas pasukan tersebut.

Ong berkata satu jawatankuasa kecil khas yang diketuai oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung telah melaporkan kepada Majlis Presiden MCA bahawa kempen pengambilan untuk menyertai pasukan itu, yang dianjurkan oleh MCA sudah dimulakan.

Beliau berkata MCA akan pergi ke peringkat akar umbi di seluruh negara dalam usaha menggalakkan lebih ramai belia Cina menyertai pasukan itu.

Katanya beliau yakin lebih ramai lelaki Cina akan tampil dalam sesi temuduga pengambilan yang akan berlangsung sehingga sebulan lamanya, yang baru bermula semalam.

Sementara itu, Ong turut mengumumkan bahawa kementerianannya akan menganjurkan satu persidangan peringkat kebangsaan bertajuk "Developing A Maintenance Culture" selama dua hari yang akan bermula pada 22 Sept ini di Hotel Renaissance Palm Garden, Putrajaya.

Persidangan yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu bertujuan memperkenalkan prinsip-prinsip budaya penyelenggaraan keatas Pengurusan Aset Yang Baik kepada peserta, sebagai langkah awal kearah membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia.

"Persidangan itu mengambil iktibar dari teguran Perdana Menteri (Datuk Seri Mahathir Mohamad) bahawa semasa Malaysia menjadi sebuah negara yang menyediakan kemudahan infrastruktur bertaraf dunia, penyelenggaraannya masih bertaraf negara dunia ketiga. Malaysia tidak memiliki budaya penyelenggaraan yang baik, menyebabkan banyak kemudahan awam tidak dapat kekal lama," katanya.

Ong berkata persidangan itu juga dijangka akan menggariskan satu rangka kepada Dasar Negara mengenai Pengurusan Aset yang Baik yang akan menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan yang cemerlang kepada negara.

Persidangan itu merupakan anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan dengan Eastern Regional Organization For Planning and Housing (EAROPH) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

-- BERNAMA  
RBZ SAN AHH AZH